

**SOALAN LAZIM MENGENAI SSPN1M DAN PEMBERIAN INSENTIF KHAS GERAN SEPADAN RM500 DALAM AKAUN SSPN1M BAGI TAHUN 2018**

**1. Soalan :**

Apakah yang dimaksudkan dengan SSPN1M?

**Jawapan :**

SSPN1M adalah Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1 Malaysia yang dijenamakan semula daripada produk simpanan PTPTN. SSPN1M terdiri daripada SSPN1M-*i* yang dahulunya dikenali sebagai SSPN-*i* dan SSPN1M-*i Plus* atau dahulunya dikenali sebagai SSPN-*i Plus*. Walaupun dengan penjenamaan ini, ciri-ciri produk masih sama dan kekal relevan untuk penabungan pendidikan anak-anak.

**2. Soalan :**

Apakah insentif Geran Sepadan RM500?

**Jawapan :**

Insentif Geran Sepadan RM500 atau GS500 adalah insentif daripada Bajet 2018 yang diberikan secara percuma bernilai RM500.

**3. Soalan :**

Bilakah pelaksanaan insentif GS500 bermula?

**Jawapan :**

Pelaksanaan insentif GS500 adalah mulai 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2018, tertakluk kepada peruntukan RM250 juta atau 500,000 akaun terawal (*first come, first serve basis*).

**4. Soalan :**

Siapakah yang layak menerima insentif GS500?

**Jawapan :**

Insentif GS500 layak diberikan kepada pendeposit seperti berikut:

- i. mempunyai akaun SSPN1M yang dibuka untuk penerima manfaat;
- ii. penerima manfaat (pada tahun 2018) mestilah:
  - a. berumur tujuh (7) hingga dua belas (12) tahun; atau
  - b. sedang belajar di sekolah rendah

**5. Soalan :**

Di manakah pendeposit boleh membuka akaun/ menambah simpanan SSPN1M?

**Jawapan :**

Akaun SSPN1M boleh dibuka/ ditambah secara *online* dengan melayari laman web PTPTN, [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my), di kaunter cawangan PTPTN atau melalui ejen-ejen sah yang telah dilantik, tertakluk kepada syarat-syarat pembukaan akaun yang telah ditetapkan.

**6. Soalan :**

Adakah terdapat pengecualian khusus untuk syarat-syarat pembukaan akaun SSPN1M bagi mendapatkan insentif ini? Sebagai contoh, kelonggaran syarat pembukaan akaun kepada warganegara asing yang bekerja di Malaysia.

**Jawapan :**

Tiada. Syarat-syarat pembukaan akaun SSPN1M masih kekal sebagaimana sedia ada.

**7. Soalan :**

Adakah akaun baharu perlu dibuka jika penerima manfaat telah mempunyai akaun SSPN1M?

**Jawapan :**

Tidak perlu.

**8. Soalan :**

Bagaimanakah cara untuk mendapatkan insentif GS500?

**Jawapan :**

Pendeposit perlu membuat simpanan bersih sekurang-kurangnya RM500.00 dalam produk yang sama di dalam tahun 2018 (tidak termasuk jumlah takaful bagi SSPN1M-*i Plus*).

Contoh:

PENERIMA MANFAAT	KETERANGAN	SSPN1M- <i>i</i>	SSPN1M- <i>i Plus</i>	CATATAN
1	Simpanan	500	-	Layak GS500
2	Simpanan	-	500	Layak GS500
3	Simpanan	200	300	Tidak layak GS500

**9. Soalan :**

Adakah permohonan perlu dibuat untuk mendapatkan GS500?

**Jawapan :**

Tidak perlu kerana insentif GS500 akan diberikan secara automatik.

**10. Soalan :**

Bilakah insentif GS500 ini diberikan?

**Jawapan :**

Insentif GS500 ini akan diberikan pada penghujung bulan yang sama setelah jumlah simpanan bersih mencecah RM500, tertakluk kepada peruntukan RM250 juta atau 500,000 akaun terawal (*first come, first serve basis*).

**11. Soalan :**

Adakah pendeposit layak mendapat perlindungan takaful berkelompok secara percuma sekiranya jumlah simpanan di dalam SSPN1M-*i* telah mencecah RM1,000 termasuk RM500 daripada insentif GS500?

**Jawapan :**

Layak.

**12. Soalan :**

Adakah pendeposit layak menerima insentif GS500 sekiranya telah mengeluarkan wang sebanyak RM500 dari akaun SSPN1M-*i* dan membuat penambahan simpanan ke dalam akaun SSPN1M-*i Plus* sebanyak RM500 bagi penerima manfaat yang sama?

**Jawapan :**

Tidak layak kerana simpanan bersih terkumpul tidak mencukupi RM500.

Contoh:

PENERIMA MANFAAT	KETERANGAN	SSPN1M- <i>i</i>	SSPN1M- <i>i Plus</i>	CATATAN
1	Pengeluaran	500	-	Tidak layak GS500
	Simpanan	-	500	

**13. Soalan :**

Seorang penerima manfaat mempunyai 2 akaun yang dibuka oleh ibu dan bapa. Adakah kedua-dua akaun layak menerima GS500 jika semua syarat telah dipenuhi?

**Jawapan :**

Tidak. Seorang penerima manfaat hanya layak menerima sekali insentif GS500 sahaja. Keutamaan pemberian insentif ini adalah kepada akaun yang terlebih dahulu mencapai simpanan bersih RM500.

**14. Soalan :**

Pendeposit yang mempunyai lebih dari seorang penerima manfaat yang berumur tujuh hingga dua belas tahun dalam tahun 2018. Adakah kesemua penerima manfaat tersebut layak menerima insentif GS500?

**Jawapan :**

Layak. Insentif diberikan kepada setiap penerima manfaat yang memenuhi syarat yang ditetapkan.

**15. Soalan :**

Sekiranya penerima manfaat telah menerima insentif GS50 pada tahun 2017, adakah masih layak menerima insentif GS500 bagi tahun 2018?

**Jawapan :**

Layak kerana melibatkan insentif yang berbeza.

**16. Soalan :**

Adakah pembukaan akaun/ tambahan simpanan melalui wang sumbangan juga layak menerima insentif GS500?

**Jawapan :**

Layak, sekiranya jumlah simpanan bersih tahun 2018 mencukupi RM500.

**17. Soalan :**

Bolehkah insentif GS500 ini dikeluarkan?

**Jawapan :**

Insentif GS500 boleh dikeluarkan apabila penerima manfaat mencecah umur 18 tahun.

**18. Soalan :**

Bolehkah simpanan selain insentif GS500 dikeluarkan sebelum penerima manfaat mencecah umur 18 tahun?

**Jawapan :**

Boleh dengan syarat baki minimum mestilah sekurang-kurangnya RM1,000 termasuk insentif GS500.

Contoh:

Pendeposit mempunyai baki simpanan sebanyak RM2,000 dan telah menerima insentif GS500. Keseluruhan simpanan adalah sebanyak RM2,500. Pendeposit dibenarkan membuat pengeluaran maksimum sebanyak RM1,500.

**19. Soalan :**

Adakah insentif GS500 boleh dipindahkan ke akaun penerima manfaat yang lain?

**Jawapan :**

Tidak boleh. Insentif GS500 adalah milik penerima manfaat secara individu dan tidak boleh dipindah milik ke penerima manfaat yang lain walaupun di bawah pendeposit yang sama.

**20. Soalan :**

Jika pendeposit berhasrat untuk membuat penutupan akaun sebelum penerima manfaat mencecah umur 18 tahun, adakah insentif GS500 boleh dikeluarkan bersama?

**Jawapan :**

Tidak boleh. Insentif GS500 akan ditarik balik sekiranya pendeposit melanggar terma dan syarat yang ditetapkan dan amaun penutupan hanya tertakluk kepada jumlah simpanan dan dividen sahaja.

**21. Soalan :**

Apa yang berlaku kepada GS500 sekiranya pendeposit atau penerima manfaat meninggal dunia sebelum penerima manfaat mencecah umur 18 tahun?

**Jawapan :**

Apabila berlaku kematian ke atas:-

- i. pendeposit : Semua akaun di bawah nama pendeposit perlu ditutup dan layak menerima GS500.
- ii. penerima manfaat : Akaun penerima manfaat perlu ditutup dan layak menerima GS500.

**22. Soalan :**  
Adakah insentif GS500 layak dividen?

**Jawapan :**  
Layak.

**23. Soalan :**  
Adakah insentif GS500 layak mendapat pengecualian cukai?

**Jawapan :**  
Tidak layak. Insentif GS500 merupakan geran daripada kerajaan dan bukanlah simpanan daripada pendeposit.

*Tarikh kemaskini 2 Januari 2018*